



[\(/\)](#) » [BERITA \(/BERITA\)](#) » Semangat oleh penyelia beri kekuatan YB Dr. Ripin tamatkan pengajian Ph.D

Senarai Berita (/berita)

Semangat oleh penyelia beri kekuatan YB Dr. Ripin tamatkan pengajian Ph.D

Oleh: Azman Zakaria

Foto oleh: Seksyen Media Kreatif dan Visibiliti Korporat



SERDANG, 22 Mac - Dalam kekelangan masa untuk tugas politik, Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak, Dr. Ripin Lamat, berjaya menamatkan pengajian, dan hari ini menerima Ijazah Kedoktoran (Ph.D) pada majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-45.

Dr. Ripin, 51, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Lambir, berkata, beliau hampir berputus asa untuk menamatkan pengajian semasa di tahun tiga (2019) kerana keletihan tetapi bangkit selepas mendapat suntikan semangat dan dorongan daripada ketua penyelia dan rakan-rakan sepejuang.

"Kerja politik tidak mengira waktu, jadi saya kena susun masa dengan baik. Saya buat jadual lima hari untuk politik dan dua hari untuk belajar.

"Cabaran tugas politik sangat kuat, jadinya padat. Memang meleihkan kerana pada masa yang sama, saya perlu belajar. Alhamdulillah, saya berjaya melaluinya," katanya.

Beliau berkata pada ketika kerajaan negeri Sarawak mengedarkan bantuan pada Jun 2021 kepada rakyat yang terkesan ekan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pada ketika itu juga beliau perlu melalui ujian VIVA.

"Walaupun perlu belajar, namun tanggungjawab yang digalas sebagai ahli politik mesti dilaksanakan sebaik mungkin. Harapan masyarakat kepada kita tinggi," katanya.

Dr. Ripin yang berasal dari Kampung Kepayang Tiris, Miri, Sarawak berkata, sebelum pelaksanaan PKP oleh kerajaan pada Mac 2020, beliau menaiki kapal terbang dua atau tiga kali sebulan untuk ke UPM untuk berbincang berkaitan pengajiannya.

Katanya, tempoh PKP selama hampir dua tahun dimanfaatkan dengan menumpukan kepada pelajaran kerana ketika itu program politik berkurangan kerana tidak boleh berinteraksi secara bersemuka.

"Pengajian ketika itu juga dijalankan secara dalam talian," katanya yang melahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada UPM, serta masyarakat sekitar tempatnya yang memberi kerjasama ketika penyelidikannya untuk Ph.D itu.

Dr Ripin berkata, beliau adalah daripada keluarga petani, dan kedua ibu bapanya adalah pendorong kuat beliau dalam pelajaran.

Beliau berharap setiap orang, terutama generasi muda supaya menanam sikap untuk rajin menuntut ilmu.

"Sumber kejayaan adalah melalui ilmu, dan untuk mengubah kehidupan kepada yang lebih baik juga mesti daripada ilmu," katanya. - UPM

Tarikh Input: 22/03/2022 | Kemaskini: 22/03/2022 | haiunL_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fsemangat_oleh_penyelia_beri_kekuatan_yb_dr_ripin_tamatkan_pengajian_phd-65989&title=Semangat%20Oleh%20Penyelia%20Beri%20Kekuatan%20YB%20Dr.%20Ripin%20Tamatkan%20Pengajian%20Ph.D%20%7C%20UPM%20Putra%20Malaysia&#Facebook&#Twitter&#LinkedIn&#Email&#Copy_Link&#WordPress&#Print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Pemohonan ke Luar Negara

(http://bunara.upm.edu.my/gipni)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)

(http://www.sisman.upm.edu.my)

KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/rendaction/method-home)

Jawatan Kosong (http://sjg.upm.edu.my)

Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)

Sistem Pengurusan Perubahan (http://regmedic.upm.edu.my/)

Sistem E-Claim (http://eclaim.upm.edu.my/)

i-GIMS (topi) (http://www.sps.upm.edu.my/8080/gims/index.jsp)

i-GIMS (pelajar passasawazah)

(http://eportal.upm.edu.my/8080/gspportal/)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah)

(http://smp.upm.edu.my/smpaction/security/rognSmpSetup)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

(http://www.ptptn.gov.my/)

Multimedia Super Corridor (https://mdcc.my/msc-malaysia/)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)

Ageni Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/902019/)

Tender & Kontrak (http://tender.upm.edu.my/)

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengena_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengena_kami/dasar_penerusan-5601)

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)

Takwim UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/2021/04/21/020070XAKWIM_UPM_2021_20.1.2021.pdf)

UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

Selangor Darul Ehsan

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

LIHAT JUGA



INSPEM sambut ulang tahun ke-20 penubuhan di UPM (/berita/inspem_sambut_ulang_tahun_ke_20_penubuhan_di_upm-66234)



Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia UPM anjur bengkel menggubal dasar 'National Transfer Account' bersama Kementerian Kewangan dan PBB (/berita/institut_penyelidikan_penuaan_malaysia_upm_anjur_bengkel_menggubal_dasar_national_transfer_accou nt_bersama_kementerian_kewangan_dan_pbb-66233)



Pusat Rawatan Kecil (PRK) Darussyifa' Masjid UPM dirasmikan (/berita/pusat_rawatan_kecil_prk_darussyifa_masjid_upm_dirasmikan-66125)